

# UMS perlu tubuhkan Fakuliti Kejuruteraan Petroleum: Mahathir

Oleh S.CONNIE PEARL SUII

conypearl09@gmail.com

UB 03.05.2012 1F

KOTA KINABALU: Universiti Sabah Malaysia (UMS) disyorkan agar menubuhkan Fakuliti Kejuruteraan Petroleum.

Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata mengikut kajian Petronas, Sabah merupakan antara negeri yang kaya dengan hasil bumi.

Justeru katanya, jurutera amat diperlukan dalam bidang petrokimia, jurutera petroleum dan juga cari gali.

“Sabah perlu menumpukan ilmu

pengetahuan dalam industri minyak dan gas kerana bidang ini telah berkembang dengan pesat di Malaysia.

“Malaysia bukanlah pengeluar besar dalam minyak mentah iaitu hanya kira-kira 650,000 tong sehari jika dibandingkan dengan Arab Saudi yang mengeluarkan 12 juta tong sehari.

“Bagaimanapun apa yang penting ialah dasar yang melibatkan syarikat petroleum nasional Petronas,” katanya ketika menyampaikan syarahan ‘Sabah Dalam Konteks Sosio-Politik Malaysia’ sempena Siri Syarahan Kinabalu, Selasa lepas.



KAMARUZAMAN (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Mahathir sambil diperhatikan oleh Yahya (kanan).

Menurutnya banyak negara termasuk negara kaya Arab Saudi yang

mengehadkan penyertaan syarikat mereka dalam industri minyak dan gas yang hanya mengutip royalti ke atas tong minyak mentah.

“Di Malaysia, pendapatan negara tidak begitu banyak tetapi semua diusahakan sendiri oleh syarikat dalam negara.

“Dengan itu, kita dapat nikmati sepenuhnya terhadap pendapatan sumber asli serta minyak dan gas,” katanya.

Mahathir berkata, dengan tertubuhnya fakulti kejuruteraan itu, Sabah akan mendapat manfaat daripada hasil yang dikeluarkan oleh pesisir minyak.

Tambahnya, ini akan

meningkatkan taraf hidup sosial di Sabah agar lebih maju, dan memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam pada itu, lebih 5,000 orang terdiri daripada pelajar, pensyarah UMS dan orang awam membanjiri Dewan Canselor UMS untuk mendengar syarahan yang disampaikan oleh Mahathir.

Turut hadir Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin, Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Haji Ampon, dan tetamu kehormat yang lain.



MAHATHIR mendapat sambutan daripada pelajar UMS.